Buletin Statistik Bulanan Januari 2014

PENGUMUMAN: **Data kewangan dan perbankan menerima pakai Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dalam Buletin Statistik Bulanan (Terkini: 28 Februari 2014)**

Bank Negara Malaysia (Bank) ingin memaklumkan bahawa Buletin Statistik Bulanan mulai keluaran Disember 2013 mengandungi set data Kewangan dan Perbankan berkaitan dengan kunci kira-kira institusi kewangan (tidak termasuk data berkaitan dengan pinjaman/pembiayaan) yang telah dikaji semula mulai tahun 2007. Ini merupakan langkah pertama Bank untuk membentuk satu taksonomi statistik yang standard, dengan istilah dan definisi data yang bersepadu (harmonised) bagi menjadikan keperluan pelaporan seluruh industri kewangan lebih cekap dan selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS).

Set data yang lama adalah berdasarkan taksonomi yang diperkenalkan pada tahun 1999, dengan beberapa semakan dibuat sepanjang beberapa tahun yang lalu bagi mencerminkan perkembangan dalam sektor kewangan. Set data yang baharu adalah berdasarkan taksonomi yang disejajarkan sebaik mungkin dengan IFRS yang jelas akan menghasilkan laporan kewangan dan statistik yang lebih konsisten serta memudahkan perbandingan antara negara. Perbezaan utama antara set data Kewangan dan Perbankan yang lama dengan set data yang baharu adalah terutamanya dari segi konsep dan definisi data, klasifikasi data pada peringkat yang lebih terperinci serta pemansuhan beberapa komponen data yang lama untuk digantikan dengan komponen data baharu bagi menggambarkan perkembangan sektor kewangan dan ekonomi Malaysia dengan lebih wajar.

Dalam menerima pakai taksonomi baharu ini, terdapat beberapa perubahan dalam konsep yang lantas menyebabkan perbezaan antara set data lama dengan set data baharu. Antara lain, jumlah aset dan liabiliti kini tidak lagi dicatat pada asas kasar tetapi pada asas bersih, iaitu selepas ditolak peruntukan dan susut nilai. Hasilnya, nilai jumlah aset dan liabiliti adalah lebih rendah. Pada amnya, perubahan ini telah menyebabkan penurunan dalam jumlah aset/liabiliti sebanyak 2% hingga 3%. Pengelasan semula juga dibuat terhadap komponen aset dan liabiliti jangka pendek dan jangka panjang, contohnya, perubahan dalam komponen Deposit, Wang Panggilan, Wang Tunai dan Kesamaan Tunai serta Penempatan Antara Bank.

Berikutan kajian semula terhadap taksonomi yang dinyatakan di atas, data bagi bulan Januari 2007 hingga Disember 2012, yang berkaitan dengan item kunci kira-kira, telah dipetakan (mapped) daripada taksonomi lama kepada taksonomi baharu, manakala data mulai bulan Januari 2013 diperoleh daripada institusi kewangan berdasarkan taksonomi baharu. Pemetaan set data taksonomi lama kepada taksonomi baharu bertujuan untuk menyediakan siri data yang lebih panjang bagi memudahkan analisis trend sejarah. Walau bagaimanapun, pengguna data harus mengambil perhatian bahawa terdapat jeda (break) pada trend sejarah antara Disember 2012 dan Januari 2013, terutamanya apabila mengkaji komponen pada peringkat yang lebih terperinci.

Bagi Agregat Monetari (Jadual 1.3, 1.3.1 dan 1.3.2), item data, yang mana boleh, telah diselaraskan untuk menepati definisi konsep yang sedia ada. Bermula bulan Januari 2014, proses penyusunan telah menggunakan data yang dikumpulkan berdasarkan taksonomi baharu, yang akan menyebabkan jeda (break) dalam siri sejarah. Bagi memudahkan analisis terhadap trend, siri data setahun yang lalu yang konsisten dengan bulan Januari 2014 telah disiarkan dalam keluaran Buletin Statistik Bulanan ini.

Berhubung dengan data yang berkaitan dengan pinjaman/pembiayaan, Bank juga akan menerbitkan set jadual yang dikaji semula dalam Buletin Statistik Bulanan pada tarikh lain.